

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 1 I Kompen Sekolah Selamat amat penting untuk memastikan keselamatan murid terjamin.
 II Ibu bapa perlu diberi pendedahan tentang keburukan dan bahaya bult.
 III Mongwa dera bukan sahaja mengalami penderitaan secara fizikal namun mental dan emosi.
 IV Semua pihak perlu memainkan peranan masing agar jenayah siber dapat dibanteras.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

- 2 I Anggota-anggota masyarakat khususnya golongan wanita sering menjadi sasaran peragut.
 II Tekanan hidup menjadi punca utama golongan remaja terjebak di dalam ketagihan dadah.
 III Kes kemalangan jalan raya sering meningkat pada musim perayaan.
 IV Kepolisian masyarakat dalam usaha mengurangi kadar jenayah amat penting.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

- 3 I Oleh kerana kerjasama yang diberikan oleh semua penduduk, kes pecah rumah dapat dielakkan.
 II Pencegahan jenayah dapat dilakukan melalui pemasangan kamera litar tertutup di kawasan kediaman.
 III Aspek keselamatan perlu dititikberatkan ketika melakukan aktiviti berbasikal.
 IV Laporan meteorologi boleh digunakan untuk merancang aktiviti pada hari esok.
 A I dan II
 B III dan IV
 C I, II dan III
 D II, III dan IV

Bahagian B

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



- (i) _____

- (ii) _____
